

NASKAH PERCUMA



PENGESAHAN
BAYARAN
PENDAFTARAN
RM10.00

PETI 4

**KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
JABATAN KEWANGAN NEGERI**

**BORANG CABUTAN UNDI LOT PERNIAGAAN
PESTA PULAU PINANG 2022**

PENERANGAN UNTUK MENGISI BORANG CABUTAN UNDI

1. Cabutan undi ini terbuka kepada semua peniaga yang berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**.
2. Borang ini boleh dimuat turun secara **percuma** di Sistem Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (sysP) di alamat <http://ep.penang.gov.my>.
3. **Borang Cabutan Undi** hendaklah diisi dengan lengkap, terang dan tandakan (√) pada petak-petak yang berkenaan dalam **senarai semak**.
4. Harga sewaan lot perniagaan telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Perniagaan, Pameran & Taman Hiburan Pesta Pulau Pinang 2022 seperti di **Lampiran 1**.
5. Borang Cabutan Undi hendaklah disertakan dengan dokumen-dokumen berikut: -

Dokumen Asas

- (i) 1 keping gambar berukuran pasport terkini yang dilekatkan pada borang permohonan.
- (ii) 1 salinan kad pengenalan pemilik syarikat (Warganegara Malaysia) atau 1 salinan pasport Antarabangsa pemilik syarikat (Warganegara Asing).

Dokumen Perniagaan

- (iii) 1 salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan (Borang D) / Perakuan Pemerbadanan Syarikat Sendirian (Borang 9) yang masih berkuat kuasa.
- (iv) 1 salinan Maklumat Jenis Perniagaan yang dijalankan dalam Sijil Pendaftaran Perniagaan (Borang D) / Perakuan Pemerbadanan Syarikat Sendirian (Borang 9) mestilah bersamaan dengan perniagaan yang akan dijalankan semasa penganjuran Pesta Pulau Pinang.
- (v) 1 salinan Maklumat Pemilik Masa Kini / Maklumat Syarikat yang masih berkuat kuasa.

Dokumen Kewangan

- (vii) *Banker's Cheque* atas nama **BENDAHARI NEGERI PULAU PINANG** dengan nilai yang telah ditetapkan bagi setiap lot perniagaan yang hendak dipohon seperti di **Lampiran 1**. *Banker's Cheque* ini akan dipulangkan kepada pemohon sekiranya pemohon gagal dalam cabutan undi. Bagi pemohon yang berjaya, *Banker's Cheque* ini akan dijadikan sebagai bayaran deposit. Sekiranya pemohon yang berjaya menolak tawaran, pemotongan deposit sebanyak **lima puluh peratus (50%) akan dikenakan sebagai penalti**.
- (viii) Salinan penyata akaun bank syarikat/pemilik terkini.

Dokumen Sokongan

- (ix) Surat Akaun Pembida yang lengkap dan **ditandatangani di Lampiran 3**
 - (x) Salinan sijil suntikan typhoid. Suntikan typhoid boleh diperolehi di mana-mana klinik kerajaan dan swasta.
6. Semua dokumen asal seperti di perenggan 5 perlu dikemukakan semasa pendaftaran bagi tujuan semakan.
 7. Pendaftaran dan cabutan undi lot perniagaan Pesta Pulau Pinang 2022 akan dijalankan pada tarikh seperti berikut :

Bahagian 2


Tarikh	: 14 September 2022 (Rabu)
No Peti Undi	: 4 dan 5
Tempat	: Ruang Legar Aras 5 dan Auditorium A, C KOMTAR.
Masa	: 9.00 pg. - 12.00 tgh. - Pendaftaran 2.00 ptg. - 5.00 ptg. - Cabutan Undi

8. Pemilik syarikat **DIWAJIBKAN** hadir semasa proses pendaftaran dan cabutan undi. Wakil syarikat tidak dibenarkan. Bagi syarikat **Sendirian Berhad / Berhad** wakil syarikat yang hadir hendaklah mengemukakan surat kebenaran daripada pihak syarikat. Surat tersebut hendaklah , menggunakan kepala surat syarikat dan perlu ditaip menggunakan komputer. Surat mestilah ditandatangani oleh ahli salah seorang daripada ahli Lembaga pengarah syarikat.
9. Setiap pemilik syarikat hanya dibenarkan mendaftar untuk **satu (1)** lot perniagaan dalam **Bahagian 2**.
10. **Yuran penyertaan** untuk satu (1) permohonan ialah **RM10.00** dan perlu **dijelaskan semasa pendaftaran** cabutan undi.
11. Setiap syarikat yang berjaya dikehendaki mematuhi semua syarat- syarat penyertaan Pesta Pulau Pinang 2022 seperti **Lampiran 2**.

12. Pesta Pulau Pinang 2022 akan bermula pada 26 November 2022 hingga 31 Disember 2022 iaitu selama 36 hari. Waktu operasi Pesta Pulau Pinang 2022 ialah bermula jam 6.00 petang hingga 11.00 malam. Waktu operasi tertakluk kepada perubahan Jawatankuasa Induk Pesta Pulau Pinang 2022.
13. Sebarang maklumat lanjut boleh menghubungi **Jawatankuasa Perniagaan, Pameran & Taman Hiburan Pesta Pulau Pinang 2022** di talian **04- 2623505**.

BAHAGIAN I: BUTIR-BUTIR PEMOHON DAN SYARIKAT

(sila tulis dengan perkataan yang jelas)



NAMA PEMOHON : _____

NO. KAD PENGENALAN : _____

WARGANEGARA : _____

ALAMAT : _____

POSKOD: _____

NEGERI: _____

NO. TELEFON BIMBIT : _____

NO. TELEFON PEJABAT : _____

EMEL : _____

NAMA SYARIKAT : _____

**NO. PENDAFTARAN
SYARIKAT** : _____

ALAMAT SYARIKAT : _____

POSKOD: _____

NEGERI: _____

STATUS SYARIKAT : BUMIPUTERA BUKAN BUMIPUTERA

TARIKH LUPUT SSM : _____

BAHAGIAN III: MAKLUMAT BANKER'S CHEQUE

TARIKH CEK : _____/_____/_____

BANK : _____

NOMBOR CEK : _____

NILAI CEK : RM_____

BAHAGIAN IV: PENGAKUAN PEMOHON

Dengan ini saya
nombor kad pengenalan/passport
pemilik syarikat
mengaku dan mengesahkan bahawa semua keterangan yang diberikan diatas adalah benar dan jika permohonan ini diluluskan, saya berjanji dan bersetuju untuk mematuhi syarat-syarat seperti **Lampiran 2** dan arahan - arahan lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Saya juga faham bahawa Jawatankuasa Pesta Pulau Pinang 2022 berhak menarik balik lot ataupun membatalkan permohonan saya ini jika keterangan diatas tidak benar dan sekiranya syarat-syarat penyertaan tidak dipatuhi.

.....

(Tandatangan Pemohon)

SENARAI SEMAK

BIL	DOKUMEN	PEMOHON SILA TANDA (/)	URUSETIA SILA TANDA (/)
1	Borang Cabutan Undi yang lengkap di isi (BAHAGIAN I, II, III, IV)		
2	1 keping gambar terkini berukuran pasport		
3	1 Salinan Kad Pengenalan Pemilik Syarikat		
4	1 salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan (Borang D) / Perakuan Pemerbadanan Syarikat Sendirian (Borang 9) yang masih sah laku.		
5	1 salinan Maklumat Jenis Perniagaan yang dijalankan dalam Sijil Pendaftaran Perniagaan (Borang D) / Perakuan Pemerbadanan Syarikat Sendirian (Borang 9) mestilah bersamaan dengan perniagaan yang akan dijalankan semasa penganjuran Pesta Pulau Pinang 2022.		
6	1 salinan Maklumat Pemilik Masa Kini / Maklumat Syarikat yang masih berkuat kuasa.		
7	<i>Banker's Cheque</i> atas nama BENDAHARI NEGERI PULAU PINANG yang bernilai sama dengan jumlah yang telah ditetapkan di Lampiran 1 .		
8	Salinan penyata akaun bank syarikat/pemilik terkini.		
9	Surat Akuan Pembida yang ditandatangani .		
10	Salinan sijil suntikan typhoid.		

Tandatangan Pemohon :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Tarikh :

Cop Syarikat :

Tandatangan Urusetia :

Nama Urusetia :

Tarikh :

Cop :

JADUAL LOT PERNIAGAAN DAN HARGA

NOMBOR GERAI	JENIS PERNIAGAAN DIBENARKAN	SAIZ GERAI	HARGA RIZAB (RM)	DEPOSIT/ BANKER'S CHEQUE (RM)	JUMLAH (RM)	NOMBOR PETI
M1-M3, M5-M7, M9-M12, M14-M15	Lot perniagaan makanan bermasak	12' X 16'	4,000.00	1,000.00	5,000.00	4
M4, M8, M13	Lot Perniagaan Minuman	12' X 16'	8,000.00	1,000.00	9,000.00	5

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN LOT PERNIAGAAN, PAMERAN DAN JUALAN PESTA PULAU PINANG 2022

1. Bayaran sewa dan deposit hendaklah dijelaskan secara **Banker's Cheque** sahaja. Sekiranya bayaran tersebut tidak dijelaskan dalam tempoh ditetapkan urusetia berhak membatalkan tawaran kepada peniaga dengan sertamerta. **(Pembayaran secara kredit terus atau online banking adalah tidak dibenarkan).**
2. Semua bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan sekiranya peniaga menarik diri selepas pendaftaran.
3. Peniaga / Pengusaha boleh menuntut semula deposit **mulai 1 Mac 2023.**
4. Lot perniagaan akan diserahkan pada **21 November 2022 iaitu lima (5) hari sebelum Pesta 2022** bermula bagi membolehkan peniaga memasukkan barang - barang jualan/pameran serta menghiasi lot masing-masing.
5. Barang-barang hendaklah disusun kemas di dalam lot perniagaan/pavilion selewat-lewatnya pada **25 November 2022.**
6. Setiap lot perniagaan akan diberikan pas masuk mengikut lot perniagaan, Pemohon di beri tempoh seminggu untuk membuat pas masuk.
7. Pas kenderaan **boleh** dibeli dengan harga **RM60.00** (kereta/lori) untuk setiap kenderaan semasa pembayaran lot perniagaan.
8. Pemohon-pemohon yang berjaya akan diberi Borang Permohonan Pas. Lain-lain borang berkaitan dengan lot perniagaan seperti dibawah boleh didapati di Urusetia Tapak Pesta :-
 - i. Borang Permohonan Pemasangan Elektrik
 - ii. Borang Aduan
9. Urusetia telah menyediakan kipas angin dan lampu secukupnya didalam semua lot perniagaan. Jika berlaku kehilangan atau kerosakan, peniaga bertanggungjawab mengantiannya.
10. Segala kos mengecat, pemasangan karpet atau sebagainya adalah dibawah tanggungjawab peniaga. Walau bagaimanapun peniaga hendaklah mendapatkan kebenaran daripada Urusetia terlebih dahulu. Peniaga tidak dibenarkan sama sekali mengubah struktur asal lot perniagaan tersebut.
11. Sekiranya pihak peniaga ingin membuat penyambungan peralatan elektrik, sila maklum kepada urusetia dengan mengisi borang disediakan.
12. Sepanjang berlangsungnya Pesta 2022 segala urusan kemasukan barang menggunakan kenderaan hanya dibenarkan masuk **jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.**
13. Peniaga digalakkan untuk menggunakan inisiatif **pembayaran tanpa tunai** atau 'cashless' bagi tujuan jual beli.
14. Sebarang kehilangan dan kerosakan barang jualan adalah tanggungjawab sendiri.
15. Semua peniaga tidak dibenarkan bermalam di dalam lot perniagaan masing-masing.
16. Peniaga tidak dibenarkan sama sekali menjual barang-barang tiruan, tidak sah dan menyalahi undang-undang.
17. Peniaga yang menggunakan khidmat pekerja warganegara asing perlulah memastikan pekerja tersebut mempunyai permit kerja yang sah dan mematuhi Akta Imigresen.
18. Tidak dibenarkan "**sublet**" ruang yang telah disediakan.
19. Peniaga *food truck* hanya dibenarkan untuk berniaga di **dalam kompaun kenderaan sahaja. Tiada sebarang aktiviti jualan dibawah food truck.**
20. Semua peniaga dikehendaki **menyediakan plastik sampah masing-masing** dan tidak dibenarkan membuang sampah di merata-rata tempat. **Pengasingan sisa di punca** menjadi amalan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Peniaga mestilah mematuhi arahan ini.
21. Semua peniaga / pengusaha makanan / minuman tidak dibenarkan menggunakan bekas **MAKANAN POLISTERIN** semasa menjalankan urusaniaga. Penggunaan bekas Makanan/Minuman plastik juga tidak digalakkan.
22. Semua peniaga / pengusaha makanan / minuman perlulah mendapatkan **suntikan typhoid.**
23. Kerusi dan meja yang dibekalkan adalah di bawah tanggungjawab peniaga / pengusaha makanan.
24. Urusetia/jawatankuasa lot perniagaan juga tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kemalangan yang menimpa peniaga sepanjang Pesta.
25. Peniaga perlu mengosongkan lot perniagaan/pavilion dalam masa **lima (5) hari selepas tamat Pesta Pulau Pinang 2022, iaitu pada atau sebelum 5 Januari 2023.**
26. Peniaga adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan syarat-syarat ini kepada semua kakitangan dibawah selian masing-masing.
27. Peniaga **TIDAK DIBENARKAN** melakukan promosi jualan di luar kawasan lot perniagaan / lot yang disewa.
28. Peniaga **TIDAK DIBENARKAN** membuat penambahan produk jualan selain dari produk yang dinyatakan dalam surat tawaran lot perniagaan.
29. Peniaga **TIDAK DIBENARKAN** membuat penambahan ruang perniagaan / khemah selain dari keluasan lot perniagaan yang ditawarkan.
30. Peniaga **TIDAK DIBENARKAN** membuat sebarang halangan di laluan pejalan kaki.
31. Urusetia berhak menentukan **tindakan kadar pemotongan deposit** atau denda bergantung kepada jenis kesalahan atau pelanggaran syarat penyertaan yang dilakukan.
32. Peniaga perlu mempamerkan harga produk jualan dengan jelas sebagaimana dinyatakan di dalam borang permohonan.
33. Peniaga perlu mematuhi semua syarat yang ditetapkan oleh pihak urusetia pesta. Pihak urusetia berhak untuk **menguatkuasakan/ meminda / menambah** mana-mana **syarat** yang bersesuaian dengan keperluan semasa selain syarat- syarat yang digariskan dalam dokumen ini.
(Tertakluk kepada sebarang perubahan syarat dari semasa ke semasa)

SURAT AKUAN PEMBIDA
BAGI
CABUTAN UNDI LOT PERNIAGAAN PESTA PULAU PINANG 2022

Saya.....
No. kad pengenalan/passport..... yang mewakili syarikat.....No. pendaftaran syarikat.....dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **JABATAN KEWANGAN NEGERI PULAU PINANG** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam cabutan undi seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan **Surat Perwakilan Kuasa** bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **JABATAN KEWANGAN NEGERI PULAU PINANG** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam cabutan undi seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi cabutan undi di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi cabutan undi di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam cabutan undi seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama :
No. Kad Pengenalan :
Nama Syarikat :